SALAM KEMERDEKAAN KE-69 & SELAMAT HARI MALAYSIA KE-63

eBuletin JSKM

EDISI KHAS KEMERDEKAAN 2026

"Merdeka bukan sekadar bebas dari penjajah, tetapi semangat untuk terus membina bangsa yang berani, maju, dan bersatu."

MALAYSIA MADANI
Kesejahteraan Dinikmati

eISSN 2637-0077

69

Isi Kandungan

01 Malaysia Rumah Kita

02 Pengjhayatan Merdeka: Di Mata Warisan dan Generasi Muda

05 Malaysia di Meja Makan: Apabila Makanan Menyatukan Kita

08 Membaca Data, Membina Negara

11 Merdeka daripada “Nanti”

13 Warisan Pusaka Merdeka-69

14 Kita Belum Merdeka

15 Semangat Kemerdekaan dan Jatidiri sebagai Pensyarah Akademik

18 Merdeka yang Sebenarnya

21 Merdeka Mode: On

23 Kebangsaan Malaysia.....

24 Hati Merdeka

25 Alunan Merdeka Dalam Wajah Berbeza

27 Menelusuri Erti Kemerdekaan Menerusi Layar Perak

32 Bicara Penuh Makna

33 Merdeka daripada Ketakutan terhadap Matematik

36 Jalur Gemilang

37 Pantun Kemerdekaan 2026

38 Pantun Prinsip Rukun Negara

39 Merdeka! Merdeka! Merdeka!

40 Setia Jalur Gemilang Demi Pasak Yang Lima

42 Unzip Sejarah Kita!

MENELUSURI ERTI KEMERDEKAAN MENERUSI *LAYAR PERAK*

Oleh: Norshuhada Samsudin & Sharifah Sarimah

Di Malaysia, bulan Ogos merupakan bulan yang membawa satu aura dan semangat yang berbeza berbanding bulan-bulan lain. Ia bukan sekadar bulan yang meriah dengan kibaran Jalur Gemilang malah laungan "**Merdeka**" juga turut bergema. Kemerdekaan merupakan satu penghayatan yang mendalam dalam jiwa seseorang. Namun, seiring dengan peredaran zaman masa kini, bagaimana cara untuk kita memastikan setiap generasi benar-benar menghayati erti sebenar kemerdekaan?

Salah satu medium yang relevan dan dekat dengan jiwa Masyarakat masa kini Adalah melalui penceritaan di layer perak. Filem-filem tempatan yang berunsurkan semangat bukan sahaja menyajikan kualiti sinematografi yang hebat, malah bertindak sebagai kapsul masa yang membawa kita kembali ke era di mana kebebasan dan keamanan hari ini dibayar dengan keringat, darah, serta air mata.

Bagi menyemarakkan lagi semangat cintakan negara, kami senaraikan beberapa judul filem patriotik yang boleh di tonton dan yang pastinya akan meniup kembali semangat membara dan rasa bangga yang mendalam terhadap tanah air kita. **MALAYSIA.**

1957: Hati Malaya (2007)

Filem lakonan Rusdi Ramli, Maya Karin, Adlin Aman Ramlie, Sharifah Amani dan Douglas Lim ini mengisahkan tentang lima anak muda pelbagai latar belakang yang bekerjasama menerbitkan buku bergambar 1957 - Hati Malaya. Melalui projek tersebut, mereka mula mendalami sejarah dan menemui erti sebenar pengorbanan serta patriotisme. Pada masa yang sama, filem ini menyoroti kisah perjuangan tokoh kemerdekaan, khususnya Tunku Abdul Rahman dan Datuk Onn Ja'afar, dalam membangkitkan semangat nasionalisme serta menuntut kemerdekaan daripada penjajah British.

Bukit Kepong (1981)



Filem ini berdasarkan peristiwa sebenar yang berlaku pada tahun 1950. Ia merakamkan pertempuran berdarah yang berlaku di Balai Polis Bukit Kepong, Johor. Filem ini juga menunjukkan semangat juang yang luar biasa bagi 18 orang anggota polis dan penduduk tempatan yang mempertahankan tanah air hingga ke titisan darah terakhir meskipun dikepung oleh 180 pengganas komunis. Pelakon utama dalam filem ini adalah Jins Shamsuddin, A.Rahim dan Hussein Abu Hassan serta beberapa pelakon pembantu yang lain.

Leftenan Adnan (2000)

Filem biopik ini mengisahkan perjalanan wira negara, Leftenan Adnan Saidi, yang nekad menyertai Askar Melayu pada tahun 1934 dan pantas menempa nama kerana ketokohan serta keberaniannya. Kemuncak penceritaan memaparkan pengorbanan epik beliau yang berjuang bermati-matian hingga ke nafas terakhir bagi mempertahankan tanah air daripada kemaraan tentera Jepun dalam pertempuran bersejarah di Bukit Candu. Filem menarik lakonan Hairie Othman dan Umie Aida ini sering mendapat tempat di hati Masyarakat pelbagai bangsa.

Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022)

Berlatarbelakangkan sekitar tahun 1892 di Pahang, filem arahan pengarah terkenal, Syamsul Yusof ini mengisahkan tentang kebangkitan pahlawan Melayu, Mat Kilau, bersama bapanya Tok Gajah dan rakan-rakan seperjuangan menentang penjajah British. Ia memaparkan keberanian dan semangat bersatu padu masyarakat tempatan yang bangkit memberontak demi mempertahankan hasil bumi, maruah agama, serta kedaulatan tanah air daripada penindasan dan campur tangan empayar British. Filem ini dibintangi oleh Adi Putra, Beto Kusyairy, Fattah Amin, Yayan Ruhian dan Johan As'ari serta beberapa pelakon lain.

Tanda Putera (2013)

Filem ini mengisahkan tentang perjuangan serta persahabatan akrab antara dua pemimpin negara, Tun Abdul Razak (Rusdi Ramli) dan Tun Dr. Ismail (Zizan Nin), dalam usaha memulihkan keamanan serta perpaduan kaum berikutan peristiwa berdarah 13 Mei 1969. Kedua-dua tokoh tersebut menunjukkan pengorbanan yang tinggi kerana sanggup merahsiakan penyakit kritikal masing-masing iaitu leukemia dan sakit jantung demi memikul amanah negara menerusi penubuhan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN), Rukun Negara, dan Dasar Ekonomi Baru (DEB) sehingga ke akhir hayat mereka. Di samping itu, Faezah Elai (Toh Puan Rahah), Linda Hashim (Toh Puan Norashikin), dan Norman Hakim (Tun Hanif Omar) turut berlakon dalam filem ini.

Sarjan Hassan (1958)

Diadaptasi daripada kisah benar sewaktu Perang Dunia Kedua, Sarjan Hassan (1958) mengisahkan perjuangan Hassan yang dilakonkan oleh P. Ramlee, seorang pemuda kampung yang sering dibuli oleh abang angkatnya, Aziz (Jamil Sulong), sebelum dia nekad menyertai Rejimen Askar Melayu demi membuktikan keberaniannya dan mempertahankan tanah air daripada pendudukan Jepun. Diiringi barisan pelakon seperti Saadiah (Salmah), Salleh Kamil (Buang/Pembelot), dan S. Kadarisman (Kapten Tanaka), Hassan membuktikan kepimpinannya sehingga dinaikkan ke pangkat Sarjan, manakala konflik peribadinya memuncak apabila dia bukan sahaja perlu menentang tentera penceroboh tetapi juga menghadapi pengkhianatan Buang serta kedengkian Aziz demi menyelamatkan kampung halaman dan cinta hatinya.

Embun (2002)



Filem ini mengisahkan tentang perjuangan Embun (Umi Aida), seorang gadis Melayu berjiwa kental, dalam usahanya membebaskan abangnya Bayu (Hani Mohsin) yang ditangkap oleh tentera penceroboh Jepun sewaktu Perang Dunia Kedua. Di samping barisan pelakon seperti Aqasha (Koishi, penterjemah tentera Jepun yang bersimpati), Izi Yahya (Leftenan Akishi), Ahmad Tarmimi Siregar (Jeneral Kurugawa), Rahim Razali (Pak Harun), Khatijah Tan (Mak Temah), dan Ellie Suriaty (Melati), filem arahan Erma Fatima ini menonjolkan keberanian serta pengorbanan wanita dalam menentang penindasan, konflik cinta merentasi bangsa, dan semangat patriotisme demi maruah keluarga serta tanah air.

Ola Bola (2016)

Ola Bola (2016) mengisahkan tentang perjuangan dan semangat perpaduan skuad bola sepak kebangsaan Malaysia yang diterajui oleh Kapten Chow Kwok Keong atau "Tauke" (JC Chee), penjaring gol, Eric (Luqman Hafidz), dan penjaga gol berbakat, Muthu (Saran Kumar) dalam kelayakan Sukan Olimpik 1980. Di samping barisan pelakon seperti Bront Palarae (Rahman, pengulas sukan), Marianne Tan (Chow Mei Ling), Eric Kee (Jurulatih Harry Mountain), dan Mark Williams (Jurulatih Frank), filem arahan Chiu Keng Guan ini menunjukkan bagaimana barisan pemain pelbagai latar belakang mengatasi masalah kewangan, konflik keluarga, serta perbezaan kaum demi menyatukan hati seluruh rakyat Malaysia dan membawa nama negara ke persada dunia.

Paskal The Movie (2018)

Perjuangan Komander Arman Rahmat yang dilakonkan oleh Hairul Azreen, seorang pegawai unit elit Pasukan Khas Laut (PASKAL) Tentera Laut Diraja Malaysia, yang berdepan dilema antara meneruskan perkhidmatan atau bersara demi menjaga ibunya selepas kematian rakan seperjuangannya. Di samping barisan pelakon seperti Ammar Alfian (Jeb, bekas anggota PASKAL yang berpaling tadah menjadi lanun), Henley Hii (Joshua), Taufiq Hanafi (Mami), Gambit Saifullah (Gagak), Theeban G (Sanjiv), Jasmine Suraya Chin (Lily), dan Namron (Komander Maznan), filem ini mengisahkan tentang keberanian serta pengorbanan Pasukan PASKAL dalam menjalankan misi rampasan semula kapal tangki yang ditawan lanun di perairan antarabangsa demi mempertahankan kedaulatan negara.

MALBATT: MISI BAKARA (2023)

Filem ini mengisahkan tentang keberanian dan pengorbanan 19 anggota Pasukan Pengaman Batalion Malaysia (MALBATT) yang dipimpin oleh Leftenan Kolonel Ramon yang dilakonkan oleh Bront Palarae, Mejar Badrul (Shaheizy Sam), Leftenan Ghani (Hairul Azreen), dan Lans Koperal Ramlee (Zizan Razak) sewaktu menjalankan misi menyelamat tentera Amerika Syarikat yang terperangkap di Pasar Bakara, Mogadishu, Somalia pada tahun 1993. Di samping barisan pelakon seperti Fauzi Nawawi (Mejar Sufri), Adlin Aman Ramlie (Kolonel Askhar), Izzue Islam (Koperal Hassan), Zahiril Adzim (Dahlan), dan Tony Eusoff (Major Jonathan), filem arahan Adrian Teh ini menggambarkan situasi pertempuran sebenar yang tegang di mana tentera Malaysia mempertaruhkan nyawa demi amanah pertubuhan PBB serta membuktikan kepahlawanan dan semangat juang yang tinggi di mata dunia.

Kesimpulannya, filem-filem ini membuktikan bahawa perjuangan mempertahankan tanah air boleh diterjemahkan dalam pelbagai bentuk. Filem-filem ini bukan sekadar rakaman sejarah atau hiburan kosong, sebaliknya ia adalah medium yang mengingatkan kita bahawa keamanan, perpaduan, dan kebebasan yang kita kecapi pada hari ini tidak datang dengan mudah. Ia dicapai melalui pengorbanan dan usaha yang sangat tinggi oleh generasi terdahulu.

Akhir kata dari kami, selamat menonton untuk semua!

Sumber carian daripada laman web : Filem-filem Patriotik

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh
Kampus Bertam

Unit Penerbitan e-Buletin
Jabatan Sains Komputer dan Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang
Pulau Pinang

eISSN 2637-0077